



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

---

**GARIS PANDUAN**  
**PEMBUKAAN SEMULA INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA**  
**KATEGORI PUSAT**

---

## KANDUNGAN

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
1.	Tujuan	3
2.	Tafsiran	3
3.	Peranan dan Tanggungjawab Pengurus Institusi Pendidikan Swasta (IPS)	5
4.	Pelaksanaan	6
	4.1 Pergerakan Pelajar	6
	4.2 Pergerakan Tenaga Pengajar dan Pekerja	7
	4.3 Pembersihan Premis	7

## 1. Tujuan

- 1.1. Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada semua pengusaha institusi pendidikan swasta (IPS) kategori pusat yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 1.2. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (rujukan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2020 bertarikh 4 Jun 2020), surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan serta peraturan berkaitan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

## 2. Tafsiran

- 2.1. **IPS kategori pusat** bermaksud IPS yang berdaftar dengan KPM di bawah peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] seperti yang berikut:
  - 2.1.1. **Pusat Bahasa** merujuk institusi pendidikan yang menawarkan kursus kemahiran bahasa dan komunikasi.
  - 2.1.2. **Pusat Tuisyen** merujuk institusi pendidikan yang khusus memberikan perkhidmatan bimbingan atau membantu murid institusi pendidikan ke arah persediaan murid itu menduduki peperiksaan.

- 2.1.3. **Pusat Kemahiran** merujuk institusi yang khusus menyediakan pendidikan kemahiran dalam bidang perdagangan, teknikal atau vokasional.
  - 2.1.4. **Pusat Latihan** merujuk institusi pendidikan yang menyediakan latihan bagi penguasaan kemahiran seperti komputer dan muzik.
  - 2.1.5. **Pusat Perkembangan Minda** merujuk institusi pendidikan yang menjalankan program pendidikan untuk perkembangan minda individu dengan menggunakan metodologi tertentu.
  - 2.1.6. **Pusat Bimbingan HUMANA** merujuk institusi pendidikan untuk anak-anak tenaga kerja Indonesia di ladang yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) HUMANA.
  - 2.1.7. **Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC)** merujuk institusi pendidikan untuk anak-anak tenaga kerja Indonesia di ladang yang diuruskan oleh Konsulat Indonesia di Sabah dan Sarawak.
  - 2.1.8. **Pusat Bimbingan Alternatif** merujuk institusi pendidikan untuk anak-anak pelarian yang memegang kad Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian (UNHCR).
- 2.2. **Pengurus IPS** merujuk individu yang bertanggungjawab mengurus pengoperasian IPS yang dilantik oleh pengusaha IPS.

### **3. Peranan dan Tanggungjawab Pengurus IPS**

- 3.1.** Memastikan premis berada dalam keadaan selamat untuk beroperasi dengan amalan normal baharu.
- 3.2.** Mendaftarkan premis IPS dalam aplikasi MySejahtera.
- 3.3.** Memastikan semua pelajar, tenaga pengajar dan pekerja memuat turun aplikasi MySejahtera dan mendaftar masuk di aplikasi apabila memasuki premis IPS.
- 3.4.** Menyediakan pelan pergerakan pelajar antara bilik darjah, bilik khas dan ruang terbuka di premis IPS semasa sesi pembelajaran berlangsung dengan mengambil kira penjarakan sosial bagi meminimumkan kontak fizikal antara pelajar.
- 3.5.** Melaksanakan tindakan yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah dan Garis Panduan Pembukaan Semula Institusi Pendidikan Swasta Kategori Pusat.
- 3.6.** Memastikan semua pelajar, tenaga pengajar dan pekerja mematuhi kandungan Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah dan Garis Panduan Pembukaan Semula Institusi Pendidikan Swasta Kategori Pusat.

## **4. Pelaksanaan**

### **4.1. Pergerakan Pelajar**

- 4.1.1. Pelajar hendaklah mendaftar masuk ke aplikasi MySejahtera setiap kali memasuki premis IPS. Pelajar yang tidak mempunyai nombor telefon atau akses kepada telefon pintar, ibu bapa/penjaga boleh mendaftar masuk anak masing-masing melalui fungsi “urus tanggungan” dalam aplikasi tersebut.
- 4.1.2. Pelajar hanya dibenarkan masuk ke bilik darjah yang ditetapkan sahaja dan tidak dibenarkan bergerak ke bilik darjah lain tanpa kebenaran Pengurus IPS.
- 4.1.3. Pengurus IPS hendaklah meminimumkan laluan masuk dan keluar premis bagi memastikan kawalan pergerakan terarah yang lebih berkesan.
- 4.1.4. Pengurus IPS hendaklah memastikan pergerakan dan kedudukan pelajar di ruang makan mematuhi arahan penjarakan sosial yang ditetapkan.
- 4.1.5. Penggunaan ruang makan bergantung kepada kapasiti ruang dengan mengambil kira penjarakan sosial. Pelajar perlu segera beredar setelah selesai makan.

## **4.2. Pengerakan Tenaga Pengajar dan Pekerja**

4.2.1. Tenaga pengajar dan pekerja hendaklah mendaftar masuk ke aplikasi MySejahtera setiap kali memasuki premis IPS.

## **4.3. Pembersihan Premis**

4.3.1. Premis hendaklah dibersihkan selepas tamat setiap sesi pembelajaran sekiranya melibatkan kumpulan pelajar yang berlainan.

4.3.2. Semua kelengkapan dan peralatan PdP hendaklah dibersihkan selepas tamat setiap sesi pembelajaran sekiranya melibatkan kumpulan pelajar yang berlainan.

4.3.3. Memastikan peralatan yang digunakan oleh pelajar tidak dikongsi. Sekiranya peralatan perlu dikongsi, pembersihan mesti dilaksanakan sebelum digunakan oleh pelajar lain.

-TAMAT-



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN**  
**INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA (IPS) KATEGORI PUSAT**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

- 1. Adakah IPS kategori pusat dibenarkan membuat penggiliran kehadiran pelajar sekiranya kapasiti ruang tidak mencukupi selepas mengambil kira penjarakan sosial?**

Ya. Tertakluk kepada perbincangan dan persetujuan bersama antara pihak IPS dengan ibu bapa/penjaga bagi memastikan semua pihak yang terlibat mendapat perkhidmatan yang sepatutnya.

- 2. Adakah IPS kategori pusat dibenarkan untuk menggunakan premis tambahan sekiranya kapasiti ruang tidak mencukupi selepas mengambil kira penjarakan sosial?**

Ya. Selepas mendapat kelulusan tambah premis daripada Jabatan Pendidikan Negeri berdasarkan proses permohonan sedia ada.



**3. Adakah KPM menyediakan sebarang bantuan kepada IPS kategori pusat bagi pembukaan semula IPS?**

Tidak. IPS kategori pusat boleh memohon insentif bersesuaian yang telah diumumkan oleh kerajaan di bawah Inisiatif PRIHATIN, PRIHATINPKS+ atau PENJANA dan pakej insentif kerajaan daripada semasa ke semasa.

**4. Adakah semua tenaga pengajar dan staf perlu hadir apabila IPS kategori pusat dibuka semula?**

Tertakluk kepada arahan pengusaha IPS kategori pusat masing-masing dan berdasarkan kontrak pekerjaan yang telah ditandatangani di antara tenaga pengajar atau staf yang terlibat dengan IPS.

-TAMAT-